KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	14/1/2022 (JUMAAT)	MUKA SURAT	:	14
JABATAN	:	PERHILITAN			

Kosmo 14.1.2022_14

3 harimau belang muncul di Pos Bihai



TANGKAP layar video menunjukkan kehadiran harimau belang di kawasan semak di Kampung Tendrik, Pos Bihai di Gua Musang baru-baru ini.

GUA MUSANG – Tiga ekor harimau belang dikesan muncul di kawasan Kampung Tendrik, Pos Bihai di sini baru-baru ini.

Kehadiran haiwan pemangsa di kawasan semak di kampung berkenaan dirakam seorang lelaki sebelum video itu tular dalam media sosial semalam.

Kemunculan tiga ekor pak belang itu adalah yang terbaharu selepas seekor harimau dikesan berada di tepi pagar asrama Sekolah Kebangsaan (SK) Balar di sini pada 11 Januari lalu sehingga mendatangkan ketakutan kepada pelajar dan penduduk.

Rata-rata orang ramai menyatakan kerisauan dengan keadaan itu yang dibimbangi boleh berlakunya kejadian tidak diingini terhadap penduduk setempat.

"Makin risau pula sebab tiap-tiap hari ada kisah pak belang. Rasanya pihak berwajib perlu pandang isu ini secara serius kerana ia bukan perkara kecil.

"Harimau tidak akan menggganggu manusia kecuali manusia itu sendiri yang mengacaunya. Habitat harimau diganggu sekarang," kata Ardini Zahra.

"Cukup-cukuplah aktiviti membalak, habis kawasan hutan (diteroka). Harimau pun sudah tidak ada tempat. Pihak berwajib terutama kerajaan negeri perlu lakukan sesuatu. Sekiranya berlaku kemalangan jiwa masalah akan menjadi makin besar," kata Fauzura Yusoff.

Pada 7 Januari lalu, lelaki Orang Asli, Anek Along maut dibaham harimau di Kampung Sau, Pos Bihai.

Susulan kejadian itu, sesi persekolahan penggal ketiga SK Bihai secara bersemuka yang sepatutnya bermula pada 9 Januari lalu terpaksa ditangguhkan berikutan mengalami ancaman serangan harimau.

Sementara itu, Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa) akan memastikan keperluan bekalan makanan di pos penempatan Orang Asli di sini sentiasa mencukupi meskipun mereka tidak masuk ke dalam hutan selepas bimbang ancaman harimau belang.

Timbalan Pengarah Jakoa Kelantan/Terengganu, Roslina Bun berkata, pihaknya telah menyalurkan bantuan sebanyak tiga kali kepada penduduk kampung di Pos Bihai, Pos Balar dan Pos Belatim sejak sebulan lalu.

"Setakat ini, tidak timbul isu bekalan makanan terputus. Cuma, kita akan mencari jalan mengenai kaedah untuk menangani masalah bekalan makanan pada masa akan datang," katanya ketika ditemui selepas menyampaikan bantuan makanan di Kampung Tendrik, Pos Bihai semalam.

Lebih 2,000 penduduk Orang Asli di Pos Bihai dan Pos Balar dinasihatkan menangguhkan aktiviti di dalam hutan susulan ancaman harimau belang yang masih berkeliaran di kawasan berkenaan.

Langkah tersebut dibuat polis demi keselamatan nyawa penduduk dan mereka yang tinggal di kawasan terbabit diminta supaya berada di rumah sekiranya tidak mempunyai perkara yang mustahak.